

Prepared for: <Life assured>
Date of birth: <DD MM YYYY>
Age: <Age>

Printed date: <Printed date>

PRODUCT DISCLOSURE SHEET: CASH PLUS ASSURANCE

(Read this product disclosure sheet for a summary of Cash Plus Assurance Plan. Be sure to also read the general terms and conditions in the policy documents.)

1. What is this product about?

Cash Plus Assurance is offered to the loan borrowers of CIMB Bank Berhad ("master policy owner") who are signing up for the Cash Plus loan facility. This is a non-participating single premium insurance plan which provides death or total and permanent disability (TPD) coverage for you as the borrower of loan facility ("life assured"). In the event of death or TPD during the coverage period, the reduced sum assured will be payable to the master policy owner to offset against the outstanding loan balance.

2. What are the covers/benefits provided?

This plan covers:

- Death : RM <Initial sum assured>*
- Total and permanent disability (TPD) : RM <Initial sum assured>*

Certificate term: <Term> year(s).

Note(*): This is the initial sum assured for death and TPD. The sum assured will reduce on monthly basis. Please refer to the policy documents for further information on the reducing sum assured.

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/contract is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System (TIPS) Brochure or contact Sun Life Malaysia Assurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay and the certificate terms may vary depending on our underwriting requirements:

- The single premium is <Premium amount> and it will be deducted from your loan amount or your bank account.

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
• Commission	10% of single premium or <10%*single premium> which forms part of the premium.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure** - you must disclose all material facts such as medical condition, and state the age or date of birth correctly, otherwise the certificate of insurance may be invalidated.
- **Free look period** - you may cancel your certificate of insurance within 15 days from the date of its delivery. The premium paid without interest will be refunded.
- **Limitation on TPD benefit** - TPD benefit will expire on the monthly anniversary after your 65th birthday and the maximum aggregate amount payable on TPD benefit to you under this certificate and all other individual and group policies/certificates issued by us is limited to RM2,000,000.
- **Pre-existing condition** - means any injury, illness, condition or symptom that existed during the 12 months prior to the certificate commencement date, for which:
 - i. treatment, medication, advice or diagnosis has been sought or received;
 - ii. an ordinary and prudent person with such injury, illness, condition or symptom would have sought advice or treatment in connection with his/her health; or
 - iii. you knew existed, whether or not treatment, medication, advice or diagnosis has been sought or received.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy documents for the full list of terms and conditions under this plan.

6. What are the major exclusions under this plan?

The following are the major exclusions where no benefit shall be payable:

(a) Exclusions on death benefit only

- Suicide - if death is due to suicide within 12 months from the certificate commencement date, only the single premium paid will be refunded without interest.
- Pre-existing condition within 12 months from the certificate commencement date.

(b) Exclusions on TPD benefit only

- AIDS.
- Air travel other than commercial flights.
- Breach of law.
- Misuse of drugs or alcohol.
- Pre-existing condition within 12 months from the certificate commencement date.
- Self-inflicted injury.
- Strike, riot, civil commotion.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the policy documents for further information on exclusions.

7. Can I cancel my coverage?

You may cancel your coverage at any time by giving written notice to the master policy owner. On early settlement of the loan facility, your certificate will be cancelled for its cash value, subject to the master policy owner's consent. The cash value payable will be less than the amount of premium paid.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all future correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

Should you require additional information about life insurance, please refer to the *insuranceinfo* booklet on 'Life Insurance', available at Sun Life Malaysia or you can obtain a copy from your CIMB Bank Berhad branches or you could log on to the Insurance Info website at www.insuranceinfo.com.my. For further information on claims procedures, please refer to Sun Life Malaysia's website at <https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>.

If you have any enquiries, please contact us at:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad
Registration Number: 199001005930 (197499-U)

Level 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Alternatively, you may call the **Client Careline at 1300-88-5055**,
lodge an online enquiry via sunlifemalaysia.com,
email to us directly at wecare@sunlifemalaysia.com,
or fax to us at **(603) 2698 7035**.

10. Other similar types of plan available.

Please ask your authorised representatives at the bank or call our Client Careline for other similar types of plan available.

IMPORTANT NOTE:

BUYING LIFE INSURANCE POLICY IS A LONG-TERM FINANCIAL COMMITMENT. YOU MUST CHOOSE THE TYPE OF POLICY THAT BEST SUITS YOUR PERSONAL CIRCUMSTANCES. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE BANK'S AUTHORISED REPRESENTATIVES OR CONTACT US DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this product disclosure sheet is valid as at the printed date stated above. This plan is underwritten by Sun Life Malaysia Assurance Berhad <Registration Number: 199001005930 (197499-U)>, an insurer registered with Bank Negara Malaysia under the Financial Services Act 2013.

Disediakan untuk: <Orang yang diinsuranskan>
Tarikh lahir: <DD MM YYYY>
Umur: <Umur>

Tarikh disediakan: <Tarikh disediakan>

DOKUMEN KETERANGAN PRODUK: CASH PLUS ASSURANCE

(Sila baca dokumen keterangan produk ini untuk ringkasan Pelan Cash Plus Assurance. Sila pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am dalam dokumen polisi.)

1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Cash Plus Assurance ditawarkan kepada peminjam-peminjam CIMB Bank Berhad ("pemilik polisi induk") yang berdaftar untuk kemudahan pinjaman Cash Plus. Ia adalah pelan insurans premium tunggal tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan atas kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) untuk anda sebagai peminjam kemudahan pinjaman ("orang yang diinsuranskan"). Sekiranya berlaku kematian atau TPD semasa tempoh perlindungan, jumlah diinsuranskan yang berkurangan akan dibayar kepada pemilik polisi induk untuk mengimbangi baki tertunggak pinjaman.

2. Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang disediakan?

Pelan ini melindungi:

- Kematian : RM <Jumlah permulaan yang diinsuranskan>*
- Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) : RM <Jumlah permulaan yang diinsuranskan>*

Tempoh sijil: <Tempoh> tahun.

Nota(*): Ini adalah jumlah permulaan yang diinsuranskan atas kematian dan TPD. Jumlah yang diinsuranskan akan berkurangan secara bulanan. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk maklumat lanjut mengenai pengurangan jumlah yang diinsuranskan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang harus saya bayar?

Jumlah premium yang harus anda bayar dan terma-terma sijil mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami:

- Premium tunggal yang harus anda bayar adalah <Jumlah premium> dan ia akan ditolak dari amaun pinjaman atau akaun bank anda.

4. Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang harus saya bayar?

Jenis	Jumlah
-------	--------

- Komisen 10% dari premium tunggal atau <10%*premium tunggal> yang membentuk sebahagian daripada premium.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ketahui?

- **Kepentingan pendedahan** - anda hendaklah mendedahkan kesemua fakta-fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur atau tarikh lahir anda dengan betul, jika tidak sijil insurans ini mungkin dibatalkan.
- **Tempoh semakan percuma** - anda boleh membatalkan sijil insurans anda dalam masa 15 hari dari tarikh penghantaran. Jumlah premium yang dibayar akan dipulangkan tanpa faedah.
- **Had ke atas manfaat TPD** - manfaat TPD akan tamat pada ulang tahun bulanan selepas hari jadi anda ke-65 dan jumlah manfaat TPD yang boleh dibayar untuk anda di bawah sijil ini dan kesemua polisi-polisi/sijil-sijil individu dan berkelompok lain yang kami keluarkan adalah terhad kepada RM2,000,000.
- **Keadaan sedia ada** - bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang sedia ada dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh permulaan sijil, di mana:
 - rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - seseorang biasa dan berhemat yang mengalami sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala sewajarnya mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - kewujudannya telah anda ketahui, sama ada atau tiada rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada dokumen polisi bagi senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah pelan ini?

Berikut adalah pengecualian-pengecualian utama yang mana tiada manfaat akan dibayar:

(a) Pengecualian-pengecualian manfaat kematian sahaja

- Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh permulaan sijil, hanya premium tunggal yang dibayar akan dipulangkan tanpa faedah.
- Keadaan sedia ada dalam masa 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.

(b) Pengecualian-pengecualian manfaat TPD sahaja

- AIDS.
- Perjalanan melalui udara selain dari penerbangan komersil.
- Melanggar undang-undang.
- Penyalahgunaan dadah atau alkohol.
- Keadaan sedia ada dalam masa 12 bulan dari tarikh permulaan sijil.
- Percubaan mencederakan diri sendiri.
- Mogok, rusuhan, kekacauan awam.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi dokumen untuk penjelasan lanjut mengenai pengecualian-pengecualian.

7. Bolehkah saya membatalkan perlindungan insurans saya?

Anda boleh membatalkan perlindungan insurans anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pemilik polisi induk. Sekiranya kemudahan pinjaman dilangsaikan lebih awal, sijil anda akan dibatalkan untuk nilai tunai, tertakluk kepada persetujuan pemilik polisi induk. Nilai tunai yang dibayar akan kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas butiran hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami akan sebarang perubahan ke atas butiran hubungan anda untuk memastikan sebarang urusan komunikasi akan dapat disampaikan kepada anda dalam masa yang sepatutnya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans hayat, sila rujuk kepada buku kecil *insuranceinfo* untuk 'Insurans Hayat', yang terdapat di Sun Life Malaysia atau anda boleh mendapatkan salinan dari cawangan-cawangan CIMB Bank Berhad atau anda boleh melayari laman web Info Insurans di www.insuranceinfo.com.my. Untuk maklumat lanjut tentang prosedur tuntutan, sila melayari laman web Sun Life Malaysia di <https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Sun Life Malaysia Assurance Berhad

Registration Number: 199001005930 (197499-U)

Aras 11, 338 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

Atau, anda boleh menghubungi talian **Khidmat Pelanggan Careline di 1300-88-5055**, kemukakan pertanyaan secara online melalui sunlifemalaysia.com, emel terus kepada kami di wecare@sunlifemalaysia.com, atau faks kepada kami di **(603) 2698 7035**.

10. Jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

Sila bertanya kepada wakil bank yang diberi kuasa atau hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami untuk jenis pelan lain yang serupa yang sedia ada.

NOTA PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT ADALAH SATU KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG MEMENUHI KEPERLUAN PERIBADI ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA SEHARUSNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL BANK YANG DIBERI KUASA ATAU TERUS MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan di dalam dokumen keterangan produk ini adalah sah seperti tarikh yang dicetak di atas. Pelan ini ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad <Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)>, penanggung insurans yang berdaftar dengan Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.